

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

18. Fungsi utama masjid adalah untuk tempat ibadah. Apabila kuliah atau khutbah di masjid digunakan sebagai kritikan dan tohmahan politik maka ia menghalang umat Islam menunaikan solat di masjid. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu menangani masalah ini?
- (a) Adakah perancangan menjadikan masjid sebagai pusat tahfiz dan hafazan?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Bagi menangani isu penyampaian kuliah atau khutbah yang menyentuh sensitiviti pihak-pihak tertentu agar kesucian masjid terpelihara daripada unsur-unsur negatif, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengeluarkan Garis Panduan Khatib/Penceramah Jemputan pada tahun 2010. Semua Jawatankuasa Masjid telah diarah untuk merujuk kepada garis panduan ini dalam hal -hal yang berkaitan dengan aktiviti ceramah/kuliah/khutbah Jumaat supaya tidak mencetuskan perkara-perkara yang tidak baik. Selain itu, pemantauan juga dibuat dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Tauliah mengajar bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi serta memberi teguran kepada pihak yang terlibat jika terdapat aduan mengenainya.

- (a) Setakat ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk

menjadikan masjid sebagai pusat tahfiz sepenuhnya. Walau bagaimanapun, MAINPP dan Jawatankuasa Fatwa telah menetapkan dasar untuk membangunkan masjid-masjid lama atau surau terbiar sebagai pusat tahfiz sekiranya ada keperluan untuk tujuan tersebut.